

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 19.6.2014
SOALAN :

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah tempat yang ditawarkan oleh IPTA untuk pelajar lepasan SPM 2013 dan berapa peratus tempat yang ditawarkan berbanding jumlah kelulusan pelajar lepasan SPM tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 468,716 orang calon telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 43,808 orang calon telah ditawarkan tempat ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA)/Politeknik Premier bagi mengikuti program pengajian peringkat Asasi/Tamhidi dan Diploma. Daripada jumlah tersebut, 34,565 orang calon adalah daripada aliran Sains dan 9,243 orang calon adalah daripada aliran Sastera.

Manakala, bagi permohonan kemasukan ke Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) pula, sejumlah 65,942 orang calon lepasan SPM dan 845 orang calon lepasan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) telah ditawarkan tempat bagi ambilan 2014.